Praktis PT3 Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. "_____ berbuat bising di ruang ini," kata jururawat kepada sekumpulan lelaki itu.
   A Tidak **C** Harap
   B Sila **D** Jangan

2. _____ kata kamu Neeta. Wajarlah kita membantu mangsa kemalangan itu.
   A Ya **C** Memang
   B Benar **D** Harap

3. "_____ berdiam diri apabila disoal oleh guru. Kamu harus mencuba untuk menjawab soalan tersebut," pesan ibu kepada Amalina.
   A Usah **C** Minta
   B Harap **D** Tolong

4. _____ para peserta duduk di tempat masing-masing kerana acara akan bermula sebentar lagi.
   A Tolong **C** Sila
   B Minta **D** Harap

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

5. _____ bawakan kelengkapan makmal ini ke bilik makmal dengan berhati-hati.

A Usah
B Sila
C Harap
D Tolong

6. "_____ abaikan aspek keselamatan diri bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini," pesan Cikgu Latif kepada para peserta kayak itu.

A Sila
B Harap
C Jangan
D Tolong

Praktis PT3 Bahagian B

A *Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan kata yang* **paling sesuai.**

1. _____ keadaan datuk pada pagi ini sudah bertambah baik.
2. Wanita yang memandu kereta itu _____ ibu saya, tetapi mak cik saya.
3. Murid-murid _____ dibenarkan masuk ke dalam makmal tanpa kebenaran guru.
4. Brosur ini _____ tentang cara-cara untuk menghindari pembuli.
5. "_____, saya tidak mengambil novel kakak," kata Amirul setelah ditanya oleh kakaknya tentang novel tersebut.
6. _____ terburu-buru dalam melakukan sesuatu perkara kerana sikap sebegini boleh mengundang padah.

B *Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat* **satu kesalahan bahasa**. *Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis jawapan** *yang betul pada ruang jawapan yang dsediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1. Tujuan majlis ini diadakan ialah untuk mengalu-alukan kedatangan pengetua yang baharu.

   _____

2. Tolong duduk dahulu, Puan Sarah. Saya akan memanggil ibu di bilik.

   _____

3. Lelaki yang dibawa ke hospital itu tidak pemandu bas, tetapi pemandu kereta.

   _____

4. "Tolong jangan berlari di tangga," kata Cikgu Arman kepada murid-murid itu.

   _____

5. Sejak kecil lagi dia hanya hendak menjadi seorang polis trafik.

   _____

6. Saya tidak mengetahui hal yang dibincangkan oleh mereka semalam, tetapi Nurul adalah bertanyakan hal itu kepada Azhar.

   _____

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS